

# IQRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



### **Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



### **Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**

PTAR Cawangan Johor - muka 15



### **Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy**

PTAR Cawangan Johor - muka 16



### **Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik**

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22



### **100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca**

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29




Promosi@PTAR

# PEMBENTANGAN AMALAN TERBAIK PERPUSTAKAAN: PENERBITAN & PROMOSI PERPUSTAKAAN UiTMCT KAMPUS DUNGUN

**BULETIN**

*Disediakan oleh : Asmahani Abdullah*

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN TERENGGANU**



Bagi memenuhi keperluan slot perkongsian Amalan Terbaik Perpustakaan pada Kursus Pengukuhan Perkhidmatan Pelanggan Tahun 2021 pada 28 Julai yang lalu, Unit Perkhidmatan Perpustakaan telah membuat pembentangan mengenai tajuk Penerbitan & Promosi Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Ianya dibentangkan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, yang juga merupakan Ketua Unit Perkhidmatan Perpustakaan Kampus Dungun. Kandungan utama pembentangan adalah berkisarkan pelaksanaan penerbitan dan promosi yang dilaksanakan di Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun. Pembentangan ini telah dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua Pembentangan Amalan Terbaik Perpustakaan 2021, antara sembilan peserta yang telah membuat pembentangan. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat. Semoga lebih sukses pada masa akan datang.

# INISIATIF PROMOSI KHAS PANGKALAN DATA PERPUSTAKAAN: EMERALD INSIGHT

**BULETIN**

*Disediakan oleh : Asmahani Abdullah*



Bagi meningkatkan penggunaan pangkalan data Perpustakaan UiTM, Unit Perkhidmatan Perpustakaan Perpustakaan Cendekiawan mengambil inisiatif untuk menerbitkan promosi berkaitan secara eksklusif berturut-turut dalam bulan Julai ini. Selain memberikan penerangan yang lebih mendalam kepada pengguna melalui Webinar bagi subjek *LSC 102: Online Database for Literature*, Cik Asmahani Abdullah bersama *team* Unit Perkhidmatan Perpustakaan Kampus Dungun telah mengeluarkan beberapa poster hebahkan berkaitan akses *Case Studies*, *eBooks* dan *eJournals* dalam Emerald Insight yang diletakkan di semua platform sosial media dan emel rasmi UiTM. Semoga inisiatif ini dapat memenuhi objektif meningkatkan statistik penggunaan pangkalan data tersebut.